

Pendekatan Said Nursi terhadap Hadis Daif dalam Karya Risalah Annur

[The Approach of Said Nursi Towards Weak (Daif) Hadiths in the Risale-i Nur Collection]

**Nur Aina Mardhiah Che Rahim¹, Nik Yusri Musa², Abdul Hayyi
Zulkifli³, Shahnun Haji Musa⁴**

¹ (Corresponding Author) Faculty Of Language Studies And Human Development, University Malaysia Kelantan, 16300 Bachok, Malaysia. e-mail: n.ainamardhiah11@gmail.com.

² Faculty Of Language Studies And Human Development, University Malaysia Kelantan, 16300 Bachok, Malaysia. e-mail: nikyusri@umk.edu.my

³ Yayasan Pondok Sungai Durian, 18000 Kuala Krai, Malaysia. e-mail: a.hayyizulkifli@gmail.com

⁴ Faculty of Islamic Studies and Arabic Language, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730 Kota Bharu, Malaysia. e-mail: shahnunmusa70@gmail.com

ABSTRACT

The Risalah An-Nur is a compilation of thoughts by the prominent Turkish Islamic scholar and thinker, Said Nursi. The life challenges he faced span two distinct phases: "Old Said," which is associated with his direct involvement in political affairs during the rule of Mustafa Kemal Atatürk, and "New Said," marking a turning point in his outlook where he shifted focus toward writing the Risalah An-Nur. This article aims to examine how Said Nursi interacted with weak (da'if) hadiths in his writings by analysing the principles and criteria he applied in their use. This study employs a library-based methodology, focusing on selected texts within the Risalah An-Nur that contain weak (da'if) hadiths and comparing them with authoritative hadith compilations from Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah to establish a foundation for his usage. The findings indicate that Said Nursi did not entirely reject weak (da'if) hadiths; instead, he employed them particularly in the context of virtues of deeds (faḍā'il al-a'māl), in line with the stance of the majority of scholars (jumhūr 'ulamā'). He used such hadiths to reinforce moral and spiritual messages, but not as binding legal evidence. In several instances, Said Nursi cited hadiths without mentioning their classification, yet the contextual usage suggests that he was aware of their level of authenticity. His focus was on the spiritual messages embedded in the hadiths, considering their educational and transformative impact on the soul, despite the hadiths being weak in terms of chain of narration (sanad). This study concludes with a reflection on Said Nursi's contribution to contemporary Islamic thought,

particularly in enriching the discourse on the role and priority of hadith in the life of the Muslim community.

Keywords: *Approach, Said Nursi, Weak Hadith, Risalah An-Nur*

ABSTRAK

Risalah Annur merupakan garapan dari pemikiran tokoh seorang ulama dan pemikir Islam terkemuka dari Turki iaitu Said Nursi. Cabaran dalam hidup yang beliau hadapi melalui dua dimensi kehidupan berbeza, iaitu Said Lama yang dikaitkan penglibatannya secara langsung dalam kerajaan pada era pemerintahan Mustafa Kamal ATaturk dan Said Baru iaitu titik pertukaran pendangannya ke dunia penulisan kitab Risalah Annur. Artikel ini bertujuan untuk mengupas bagaimana Said Nursi berinteraksi dengan hadis daif dalam karyanya, iaitu dengan menganalisis prinsip dan kriteria penggunaan hadis daif tersebut. Kajian ini menggunakan metode kajian kepustakaan, dengan menumpukan kepada analisis beberapa kitab Risalah Annur yang mengandungi hadis daif dan kitab-kitab hadis dari Ahlu Sunnah wal Jemaah untuk menjadi asas kepada penggunaan hadis daif. Hasil kajian mendapati Said Nursi dilihat tidak menolak hadis daif secara total, sebaliknya menggunakannya dalam konteks *fadhail al-a'mal* (kelebihan amalan), selaras dengan pandangan jumhur ulama. Beliau menggunakan hadis daif sebagai penguat dalam menyampaikan mesej moral dan rohani namun tidak menjadikannya sebagai dasar hukum yang mengikat. Dalam beberapa tempat, beliau menukil hadis tanpa menjelaskan statusnya tetapi pemilihan konteks menunjukkan bahawa beliau memahami batas autoritatif hadis tersebut. Said Nursi memberikan penekanan kepada mesej spiritual yang terkandung dalam hadis, dengan mengambil kira kesan didikan kepada jiwa walaupun hadis itu daif dari sudut sanad. Kajian ini diakhiri dengan refleksi terhadap sumbangan Nursi dalam pemikiran Islam kontemporer, khususnya dalam memperkayakan wacana tentang keutamaan hadis dalam kehidupan umat Islam.

Kata Kunci: *Pendekatan; Said Nursi; Hadis Daif; Risalah Annur*

How to Cite:

Received: 11-03-2025
Revised: 15-05-2025
Accepted: 28-05-2025
Published: 31-05-2025

Rahim, N. A. M. C., Musa, N. Y., Zulkifli, A. H. & Musa, S. H. (2025). Pendekatan Said Nursi terhadap Hadis Daif dalam Karya Risalah Annur. *RABBANICA Journal of Revealed Knowledge*, 6(1), 116-138.

1. Pendahuluan

Islam merupakan agama yang mencakupi keseluruhan kehidupan manusia tanpa mengira kaum, darjat mahupun keturunan. Syariatnya tidak terbatas pada masa malah sentiasa sesuai digunakan sejak dari perutusan baginda Nabi Muhammad SAW menjadi rasul sehinggalah tiba hari kiamat.

Melihat kepada usaha-usaha para salafusoleh bangkit dalam membantu dan mengukuhkan institusi hadis, para ulama abad ke 19 dan 20 tidak terkecuali. Para ilmunan merungkai sejarah yang tercipta melalui usaha-usaha para pendakwah dalam mengembalikan kembali kegemilangan Islam sepertimana suasana pada zaman baginda Rasulullah SAW.

Hal yang sama berlaku terhadap tokoh pembela agama di Turki iaitu Said Nursi yang terkenal pada hujung abad ke-19 hingga pertengahan abad ke-20 dalam usaha membawa masyarakat kepada akidah yang benar. Perubahan landskap politik dunia Islam pada ketika itu telah membawa masyarakat kepada bertuankan sistem 'Kemalist' yang didakwa dipandu melalui pemerintahan Mustafa Kemal Ataturk.

Pada 29 Oktober 1923 Mustafa Kemal Ataturk menjadi Presiden Turki yang pertama. Beliau memecat sultan melalui sidang Dewan Perwakilan Nasional dan membubarkan sistem pemerintahan khalifah Islam. Melalui sistem Kemalist, beliau menawarkan tiga (3) perkara iaitu sekularisme, nasionalisme dan materialisme kepada rakyat Turki sehingga beliau dilantik Presiden Turki kali ketiga pada tahun 1931. Pemerintahannya telah mengubah dasar pemerintahan Turki, antaranya undang-undang yang mewajibkan pemakaian pakaian budaya Barat, perubahan tulisan Arab kepada tulisan Latin, terjemahan dan tafsiran al-Quran ke dalam bahasa Turki, pemansuhan pelbagai ajaran Islam yang dianggap lapuk dan pelaksanaan rancangan emansipasi wanita Turki (Abu Hanifah Haris & Mohammad Redzuan Othman, 2011).

Said Nursi bangkit sebagai pembela masyarakat Turki pada ketika itu melalui ketajaman penanya untuk membawa kepada ajaran Islam yang sebenar. Penyebaran hasil tulisannya melalui kitab Risalah Annur dirasai hampir semua tempat masyarakat Turki pada ketika itu dek usaha para pelajarnya yang tidak henti dan menyalin tuaian kata-kata dakwahnya. Keperluan dakwahnya banyak membuka mata masyarakat pada waktu itu walaupun penyebarannya agak terhad dan disekat oleh rejim pemerintahan Mustafa Kemal Ataturk.

Dalam tulisannya, beliau banyak menggalakkan hadis difahami dalam konteks keseluruhan ajaran Islam dan sejarah di sebaliknya. Ia tidak boleh diberi kefahaman secara harfiah semata-mata bahkan perlu diperhatikan dari sudut konteks sosial, budaya, sejarah di sebalik hadis yang baginda nabi SAW ungkapkan.

Namun begitu, meskipun telah banyak kajian dilakukan terhadap pemikiran Said Nursi dan sumbangannya terhadap reformasi kerohanian umat Islam, masih kurang kajian secara spesifik yang meneliti penggunaan hadis daif dalam karya Risalah Annur. Jurang ini penting untuk diteliti agar kefahaman terhadap pendekatan Said Nursi dapat difahami dalam konteks objektif sebenar serta menilai justifikasi epistemologi dan matlamat dakwah beliau dalam menggunakan hadis-hadis tersebut.

Artikel ini menyumbang kepada perkembangan wacana ilmu hadis dengan mengetengahkan analisis terhadap penggunaan hadis daif dalam Risalah Annur. Ia memperlihatkan bahawa penilaian terhadap hadis daif lazimnya dianggap tidak boleh dijadikan hujah kecuali dalam konteks tertentu. Artikel ini memberi sumbangan dalam menilai bagaimana tokoh besar seperti Said Nursi menggunakan hadis-hadis tersebut dalam bentuk yang tidak literal, sebaliknya dimanfaatkan untuk menyampaikan nilai-nilai keutuhan iman masyarakat pada waktu tersebut.

2. Skop dan Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan kajian kepustakaan. Pengkaji akan menganalisis metodologi ilmu hadis yang digunakan oleh Said Nursi dalam memberi ulasan dan hujah pemakaian hadis daif melalui karya agungannya Risalah Annur.

Pengkaji akan memilih beberapa kitab sahaja dan dilakukan melalui beberapa cara atau metod. Pertama penulis akan mengkaji keseluruhan hadis yang terdapat dalam kitab tersebut. Kemudian, hadis-hadis tersebut akan disaring sepintas lalu memandangkan takhrij hadis sudah ada dalam kitab Risalah Annur. Setelah itu, dijalankan padanya analisis dari sudut metodologi penggunaan hadis daif di samping melihat kepada faktor atau suasana yang mempengaruhi penggunaan hadis tersebut.

Selain itu, dari sudut penggunaan sumber rujukan, ia melibatkan beberapa kitab Risalah Annur iaitu kitab *Al-Kalimat*, *Al-Maktubat*, *Al-Lumaat*, *At-Talasim*, dan *Sirah Dzatih*.

3. Kajian-kajian Lepas

Pemikiran Said Nursi mendapat perhatian umum semenjak berzaman. Ini dapat dilihat daripada hasil kajian penulisan akademik yang berbentuk disertasi mahupun artikel yang dikupas dan dikaji dalam pelbagai dimensi. Antaranya ialah dalam lapangan al-Quran dan tafsir, Akbar Umar et.al (2021) memfokuskan huruf-huruf muqatta'ah dalam al-Quran manakala Muhammad Labib Syauqi (2012) mengungkap kajian pentafsiran ayat al-Quran yang

terdapat dalam Risalah Annur yang dipengaruhi oleh modenisasi di Turki Sumbangan Said Nursi juga boleh dilihat melalui pendekatan Islam yang memberi penekanan kepada pengenalan Allah SWT dan pengukuhan keimanan kepada akhirat. Beliau mencapai tujuan ini dengan merujuk kepada ayat-ayat Al-Quran dan Hadis, menggunakan pendekatan bi-l-hikmah (kebijaksanaan), serta membangkitkan kesedaran hati para penghuni penjara melalui amalan reflektif seperti tafakkur (Muhammad Yusry Affandy & Faid Zulkifli, 2020).

Dalam kategori periwayatan hadis, kajian telah dibuat dalam pelbagai dimensi perbahasan hadis. Muaz Mohd Noor (2020) meneliti tentang konsep kenabian yang menjadi tujuan utama Said Nursi dalam usahanya mengangkat kembali akidah umat Islam, agar ia selari dengan akidah iman yang dibawa oleh nabi-nabi yang terdahulu. Said Nursi tidak hanya membahaskannya dalam konteks ilmu akidah dan Syariah sahaja, malah beliau menerokainya melalui disiplin ilmu Tasawuf dan Falsafah. Dalam masa yang sama, Noor Azma Mohamad Khassim (2019) memfokuskan kajiannya berkaitan hadis 'Tanda-Tanda Kiamat' (*'Alamat Al-Sa'ah*) manakala Nur Aina Mardhiah Bt Che Rahim (2018) pula berkaitan hadis-hadis mutasyabihat. Zaprul Khan dan Ahmet Kayacik (2018) melakukan kajian yang menyentuh tentang pentingnya sunnah nabi bagi merawati penyakit zaman kini dan telah terbukti keberkesannya pada zaman dahulu. Pengkaji bersetuju mengatakan bahawa pendekatan yang digunakan oleh Said Nursi menyamai dengan hujah yang dibawa oleh para *muhaddithin*.

Kajian mengenai konsep tasawwuf juga ada dikupas melalui karya kitab Risalah Annur. Sifat peribadi Said Nursi yang sentiasa menggalakkan ke arah pendidikan rohani dan memperkenalkan idea integrasi dengan ilmu-ilmu lain, sehingga ia digelar sebagai tokoh Sufi. Antara kajian yang telah dijalankan ialah oleh Masrur Chamim (2022) yang memfokuskan konsep iman dan qalbu dalam pemikiran Said Nursi, Nur Hadi Ihsan (2021), Muhammad Faiz (2020) yang mengupas tentang konsep tasawuf Said Nursi dalam pengaplikasian nilai Islam. Sahin, Cemal (2020) pula mengeksplorasi melalui tesisnya tentang konsep teospiritual dalam al-Quran melalui integrasi ilmu kalam dan tasawuf.

Dari sudut aspek akidah, ramai para sarjana terkehadapan membawa bersama kajian aspek akidah dalam Risalah Annur. Noor Aklima Mohamad Said (2023) dalam kajiannya tentang ketokohan Said Nursi, ada disebut aspek akidah. Begitu juga dengan Nabilah Nik Sulaiman dan Ros Aiza Binti Mohd Mokhtar (2022) yang menjalankan kajiannya tentang konsep teologi menurut perspektif Said Nursi, mengatakan Said Nursi dan cendekiawan Islam yang lain memandang kesakitan sebagai bukti kasih dan wujudNya Allah Taala dan yang meyakini Allah sebagai sebaik-baik pelindung. Beliau berperanan dalam memperkukuhkan konsep tauhid dalam dunia Islam, sehingga berfungsi

sebagai panduan bagi para agamawan, pendakwah dan penyelidik dalam menjadikan pemurnian tauhid sebagai elemen utama dalam usaha dakwah kepada masyarakat masa kini (Muhammad Suhaib Ahmad Zahir & Mohd Farid Mohd Sharif,2020).

Elemen pendidikan juga dikaji oleh para sarjana. Risalah Annur banyak mengeksploitasi kesedaran bahawa menggabung elemen ilmu agama dengan pengetahuan moden adalah nadi utama dalam menggerakkan masyarakat berilmu dan berwawasan, iaitu dengan wujudnya idea Said Nursi tentang Madrasah Az-Zahra (Mohd Nasir Ayub, Surita Hartini Mat Hassan dan Mohd Asmadi Yakob,2020; Chandra Dwisetyo Widodo:2020). Menurut Abdul Ghaffar (2012), konsep kesempurnaan atau keperluan sendiri yang dibawa oleh Said Nursi sedikit berbeza daripada konsep saintis lain. Said Nursi mengatakan konsep diri manusia terdiri daripada beberapa sifat, iaitu sifat rabbani, sifat nafsani, sifat rohani, sifat jasmani, sifat tafakur dan sifat *tadabbur*.

Kesimpulannya, melihat kepada pelbagai dimensi hasil kajian yang telah dijalankan, kitab Risalah Annur dilihat sebagai kitab yang banyak menyajikan ilmu pengetahuan yang bervariasi yang berkeperluan untuk diketengahkan kepada masyarakat melalui pemikirannya yang berintegrasi. Namun perbincangan dalam lapangan hadis daif masih kurang diberi tumpuan. Justeru, artikel ini ditulis bagi mengisi jurang yang masih kurang diberi perhatian dalam kajian-kajian terdahulu berkaitan penggunaan hadis daif dalam Risalah Annur.

4. Biodata Ringkas Said Nursi dan Risalah Annur

Sebelum memulakan perbincangan lanjut kepada cara Said Nursi berinteraksi dengan hadis daif, kajian difokuskan kepada pengenalan tokoh dan latar belakang pendidikan. Hal ini kerana latar belakang pendidikan adalah menjadi faktor utama yang mempengaruhi pemikiran seseorang.

4.1 Biografi ringkas Said Nursi

Nama sebenarnya ialah Said, dilahirkan pada tahun 1877M/ 1293H di perkampungan Nurs yang terletak di wilayah Bitlis, Timur Turki. Beliau diberi panggilan Said Nursi bersempena nama tempat kelahirannya iaitu Nurs, dan diberi jolokan dengan nama 'Badiuzzaman'. Ayahnya bernama Mirza dan ibunya Nuriah. Ayahnya, Sufi Mirza, seorang yang sangat alim, sehinggakan tidak pernah merasai sesuatu yang haram atau memberi makan kepada anak-anaknya selain yang halal. Begitu juga ibunya, yang tidak meninggalkan solat Tahajjud sepanjang hidupnya kecuali pada hari-hari yang diizinkan secara sah,

dan dia tidak menyusukan anak-anaknya kecuali dalam keadaan suci dan berwuduk. Dikatakan juga bahawa generasi Mirza adalah keturunan keempat dari dua saudara yang dihantar dari Cizre di Tigris untuk menyebarkan agama di kawasan itu (Sukran Vahide,2013).

4.2 Dunia pendidikan

Said Nursi menerima pendidikan awal dari kedua ibubapa dan abang kandungnya iaitu Abdullah. Pada usia 9 tahun, beliau merantau mencari ilmu dan berguru dengan Syeikh Muhammad Affandi di Desa Tag dan kemudian meneruskan pengajian di Bernis, Arwas, serta Madrasah Bayazid. Beliau dianugerahkan ijazah dan gelaran Mulla Said oleh Syaikh Muhammad al-Jalali. Ketika berusia 15 tahun, beliau berjumpa dengan gurunya Syeikh Molla Fethullah Efendi di Siirt, di mana kecerdasan dan kemampuannya menghafal kitab dalam waktu singkat membawa beliau kepada gelaran ‘Badi’uzzaman’ atau Keunggulan Zaman (Sukran Vahide, 2013).

Said Nursi bukan sahaja mahir dalam ilmu agama, tetapi juga menguasai sains moden seperti fizik, geologi dan matematik. Keinginan beliau untuk mengislamisasi ilmu sains dengan agama mendorongnya untuk menubuhkan puast pendidikan yang diberi nama Madrasah al-Zahra’. Hasrat ini disampaikan kepada Sultan Abdul Hamid II dalam pertemuan di Istanbul pada tahun 1886. Era pendidikan awal Said Nursi, iaitu fasa Said al-Qadim, berlangsung dari kelahirannya pada tahun 1807 hingga 1908 dan dipenuhi dengan semangat menuntut ilmu yang tinggi (Sukran Vahide, 2013).

4.3 Dunia Dakwah

Said Nursi memulakan karier politiknya dengan menyertai gerakan Islam al-Ittihad al-Muhammadi pada tahun 1909, tetapi gerakan ini diharamkan dan mengakibatkan penangkapan beliau serta pengikut lain. Dalam menghadapi pertuduhan, beliau menyatakan komitmennya terhadap Islam, menegaskan bahawa beliau bersedia mengorbankan nyawa demi agamanya. Pada tahun 1912, menjelang Perang Balkan, beliau dilantik sebagai komander pasukan gerila yang terdiri daripada sukarelawan Muslim dari Timur Anatolia namun tidak lama kemudian, sebelum Perang Dunia Pertama, beliau menjadi anggota formasi khas yang ditubuhkan untuk melindungi integriti wilayah empayar dan mengeluarkan fatwa tentang jihad bersama barisan ulama lain (Said nursi,2012).

4.4 Kitab Risalah Annur

Penulisan dan penerbitan Risalah Annur adalah sesuatu yang tersendiri, unggul, dan unik dalam sejarah dakwah Islam kontemporari. Kebanyakan kitabnya tidak ditulis dengan tangannya sendiri kerana beliau menghadapi sedikit masalah dalam pembacaan. Sebaliknya, beliau menulis dengan sepenuh jiwa dan perhatiannya untuk membangun ummah pada waktu itu. Kemudian, salinan asal diedarkan kepada pelajar dan menyalinnya dengan tangan, dan dikembalikan kepada beliau semula untuk disemak dan akan memperbetulkan kesilapan penyalinan. Beliau tidak mempunyai sebarang buku atau sumber untuk dirujuk semasa mengarang kecuali al-Quran sahaja dan dia dibantu dengan apa yang Tuhan berikan kepadanya dari segi ingatan yang luar biasa dan keupayaan menghafal yang menakjubkan.

Kitab ini terdiri dari 10 jilid himpunan tulisan beliau yang dibukukan menjadi sejumlah kitab yang berjilid besar yang dinamakan Risalah Annur. Antara koleksi kitab Risalah Annur ialah *Al-Kalimat*, *Al-Luma'at*, *Al-Maktubat*, *Al-Shu'a'aat*, *Al-Ijaz fi Mazhan Al-I'jaz*, *At-Talasim*, *Siraj Annur*, *Dzulfiqar*, dan *Al-Mathnawi Al-'Arabiyy Annuri*.

Secara asasnya kitab Risalah Annur adalah satu kitab yang menghimpunkan pelbagai bentuk ilmu yang dipakai dewasa ini seperti ilmu tafsir, ilmu falak, ilmu sosial, ilmu kerohanian dan sebagainya. Ia dihasilkan melalui metodologi penulisan dan pendidikan yang tidak formal iaitu dengan hasil tulisan tangan dan disalin oleh murid-muridnya dan ia tersebar sehingga hari ini.

Secara keseluruhannya, Said Nursi banyak mengembangkan ideanya melalui pendekatan yang holistik dan berintegrasi terhadap penggunaan hadis yang mencakupi aspek rasional, spiritual dan praktikal. Ia berusaha untuk menyelaraskan hadis dengan ajaran Islam secara keseluruhan di samping memerhatikan dari sudut sosial dan sejarah.

4.5 Pegangan Prinsip Hadis

Secara asasnya kitab Risalah Annur adalah satu kitab yang menghimpunkan pelbagai bentuk ilmu yang dipakai dewasa ini seperti ilmu tafsir, ilmu falak, ilmu sosial, ilmu kerohanian dan sebagainya. Ia dihasilkan melalui metodologi penulisan dan pendidikan yang tidak formal iaitu dengan hasil tulisan tangan dan disalin oleh murid-muridnya dan ia tersebar sehingga hari ini.

Antara ilmu yang dikenal pasti menjadi fokus kajian ini tentang kecenderungan dalam perbahasan ilmu hadis. Dalam kitab *al-Kalimat*, iaitu dalam Kalimat Dua Puluh Empat, Said Nursi ada menyebut 12 prinsip yang berkaitan dengan hadis secara umum. Namun, kajian ini mengetengahkan prinsip yang berkaitan dengan interaksi dengan hadis daif sahaja, iaitu tiga

prinsip. Prinsip yang terlibat ialah Prinsip Kedua, Prinsip Kesembilan dan Prinsip Kesepuluh, perinciannya adalah seperti berikut:

Prinsip Kedua:

Permasalahan dalam Islam mempunyai tahap-tahap tertentu di mana ada permasalahan yang memerlukan kepada hujah dan dalil yang pasti (قطعي). Contohnya seperti permasalahan akidah. Dalam masa yang sama ada permasalahan yang lain hanya dengan sangkaan yang tepat (غلبة الظن). Ada permasalahan yang lain hanya memerlukan kepada penerimaan semata-mata tanpa ada isu penolakan. Dengan kata lain, tidak semua masalah dalam Islam memerlukan dalil dan hujah yang qat'i.

Prinsip ke Sembilan

Dalam hal ini, Said Nursi mengatakan bahawa perkara akidah terbahagi kepada dua bahagian iaitu berkaitan hal di dunia dan akhirat. Ulama telah membenarkan untuk beramal dengan hadis-hadis yang terkandung dalam fadhilat amal secara bersyarat.

Prinsip ke Sepuluh

Hadis yang bersifat *targhib* (dorongan) dan *tarhib* (ancaman) mempunyai hikmah yang sangat tinggi dalam memberi galakan melakukan kebaikan atau menjauhi keburukan samada kepada si pelaku atau kepada yang berada disekeliling pelaku.

Walaupun Said Nursi bukan seorang ahli hadis secara khusus, namun beliau amat menitikberatkan pemeliharaan hadis. Hal ini dapat dilihat melalui penggarisan 12 prinsip berkaitan hadis yang menunjukkan kesungguhan beliau dalam menjaga kesahihan dan kedudukan hadis dalam penyampaian dakwah dan penulisannya. Penggunaan hadis dalam Risalah Annur dikaji dengan mengambil kira pengaruh sosial, budaya dan politik pada zaman Said Nursi, yang secara langsung mempengaruhi pendekatan metodologi beliau terhadap hadis, termasuk dalam pemilihan dan penggunaan hadis daif.

5. Definisi Hadis Daif dari Ulama *Muhaddithin*

Ulama mendefinisikan hadis daif sebagai hadis yang tidak mempunyai ciri-ciri yang telah ditetapkan untuk hadis yang diterima (sahih dan hasan) (Ibnu Solah, 1998; Shayuthy, 2016). Manakala di sisi Imam An-Nawawi, hadis daif ialah sesuatu yang tidak mengumpulkan sifat hadis sahih atau hasan.

Kedaifannya berbeza seperti berbezanya kesahihan hadis sahih. Daripada hadis da'if ini, ada yang mempunyai gelaran tersendiri; seperti al-maudu', al-syaz dan selainnya. (As-Suyuti, 1985).

Imam Muslim menyatakan dalam muqaddimah *Sahihnya* bahawasanya gesaan kepada penelitian dan penjelasan kepada perbezaan antara hadis sahih dan bukan sahih dilakukan kerana atas usaha untuk menyelamatkan dari mengabaikan hadis-hadis yang sahih. Dalam hal yang sama, Imam As-Suyuti mengatakan bahawa majoriti ulama membolehkan periwayatan hadis daif dalam keutamaan amal selagi ia tidak menyamai ke kedudukan hadis maudhu'. Jika hadis itu tidak ditemui dalam mana-mana kitab yang tidak diterima oleh ulama, maka ia tidak boleh diamalkan. Perkara ini ditegaskan juga oleh Al-Iraqi dan Imam An-Nawawi dalam kitab *al-Adzkar* dan *Riyadhussalihin* (al-Qasimi, 2004).

Para ahli hadis tidak meriwayatkan hadis daif sebagai hujah dalam hukum syariat. Maka sesiapa yang melakukan sedemikian ia dianggap menyelisihi pegangan ahli hadis. Adapun para fuqaha dan kebanyakan ulama yang menggunakan hadis daif sebagai hujah dan menjadikannya sebagai sandaran, Imam al-Qasimi mengatakan ia adalah tidak sepatutnya terjadi bahkan ia adalah sesuatu perkara yang buruk (al-Qasimi, 2004).

Jika seseorang mengetahui suatu hadis itu daif, maka tidak boleh menjadikannya sebagai hujah dalam hukum syariat. Namun jika seseorang tidak mengetahui kelemahan hadis itu, maka tidak boleh menggunakannya sebagai hujah dalam hukum-hukum agama. Jika seorang alim mengetahui hadis itu daif, maka ia wajib menjelaskan kepada orang lain agar tidak terjadi kekeliruan dalam hukum. Justeru, untuk menjelaskan lagi perbincangan ini, perbincangan akan diteruskan dengan menghurai hukum dalam beramal dengan hadis daif serta prinsip-prinsip yang digariskan oleh ulama hadis sebagai kayu ukur untuk berinteraksi dengan hadis nabawi.

5.1 Hukum Mengamalkan Hadis Daif

Umum mengetahui bahawa hadis daif adalah hadis yang tidak menepati syarat-syarat hadis sahih dan hasan sepertimana pengkaji telah menerangkan sebelum ini. Namun di sisi ulama, terdapat pelbagai pendapat mengenai kedudukan hadis daif ini sama ada boleh diamalkan atau tidak.

Imam An-Nawawi ada memberi pencerahan dalam kitabnya *Al-Adzkar* mengenai hukum beramal dengan hadis daif dalam bab *fadhail amal* dan *targhib* (dorongan) *tarhib* (ancaman). Katanya "Ulama *muhaddithin* dan fuqaha' mengharuskan beramal dengan hadis daif dalam bab *fadhail amal* dan *targhib* (dorongan) dan *tarhib* (ancaman) selagi mana ia bukan hadis *maudhu'*. Adapun dalam urusan hal ehwal syariat, seperti hukum halal haram, hukum jual beli, nikah, talak dan sebagainya maka perlu beramal dengan hadis sahih

dan hasan melainkan seseorang itu berada di pihak yang selamat mengenai perkara seperti itu, contohnya jika ada hadis daif yang menyatakan bahawa beberapa jual beli atau nikah adalah makruh, maka hendaklah dijaui, tetapi tidak dibenarkan berbuat demikian (Imam An-Nawawi, 2004).

Dr. Yusuf Al-Qaradhawi (2006) ada memberi penjelasan tentang pandangan yang meriwayatkan hadis daif, iaitu jumhur ulama' memberi keharusan dalam mengamalkan hadis daif untuk fadhail amal sahaja, *targhib* (dorongan) dan *tarhib* (ancaman), kisah-kisah yang memberi pengajaran dan tiadk berkaitan dengan hukum syariah.

Imam Al-Hakim (1990) dalam kitab *Mustadrak*nya dalam permulaan Kitab Ad'Dua ada menukikan:

إذا روينا، عن النبي صلى الله عليه وسلم في الحلال، والحرام، والأحكام، شددنا في الأسانيد، وانتقدنا الرجال، وإذا روينا في فضائل الأعمال والثواب، والعقاب، والمباحات، والدعوات تساهلنا في الأسانيد.

Terjemahan: Jika kami meriwayatkan dari nabi SAW pada perkara halal, haram, hukum hakam, maka kami bertegas pada sanad, dan melakukan kritikan terhadap perawi. Tetapi jika kami meriwayatkan pada perkara-perkara berkaitan fadhail amal, pahala, balasan buruk, perkara-perkara yang dibenarkan, doa-doa maka kami memberi kelonggaran pada sanadnya.

(*Riwayat Al-Hakim*, Kitab Al-Mustadrak, Bab Al-Duaat, wa At-Takbir, wa At-Tahlil, wa At-Tasbih, wa Az-Zikr, no hadis 1801).

Sebahagian manusia memahami bahawa dibolehkan menerima hadis daif dalam perkara *targhib* (dorongan) dan *tarhib* (ancaman) sahaja selagi mana tidak ada padanya hadis-hadis yang munkar atau yang dituduh berdusta. Adapun para ahli sufi pula, mereka mengharuskan penggunaan ini sehingga diharuskan kepada periwayatan hadis maudhu'. Menurut mereka, selagi sesuatu hadis itu memberi galakan kepada kebaikan, menghindari keburukan, hal itu dibolehkan sehingga mereka mencipta hadis-hadis tentang kelebihan surah-surah al-Quran dan pengamalan baik untuk tujuan tersebut (Al-Qaradhawi:2006).

Para ulama' memberi penjelasan yang terperinci tentang apa yang dimaksudkan dengan memberi kelonggaran pada sanad hadis daif itu, iaitu:

- 1) Ibnu Rejab al-Hanbali (w795H) mengatakan "Sesiapa yang meriwayatkan hadis yang padanya ada perawi yang dituduh berdusta, atau lemah

- ingatannya, atau banyak kesalahannya, maka itu adalah hadis yang tidak boleh dijadikan sebagai hujah” (Ibnu Rejab, 1987).
- 2) Ibnu Mahdi dan Ahmad ibn Hanbal antara yang memberi kemudahan dalam mengharuskan periwayatan hadis daif untuk tujuan *targhib* (dorongan) dan *tarhib* (ancaman) (Al-Qaradhawi, 2006).
 - 3) Dalam pada itu, Sufian At-Thauri menegaskan untuk tidak mengambil perihal ilmu hadis daif ini dalam berkaitan halal haram kecuali dari orang yang terkenal dengan ilmunya, yang mengetahui tentang hal-hal berkaitan penambahan dan pengurangan (al-Juda’i, 2003).
 - 4) Begitu juga Imam As-Sakhawi ada menukil pendapat Ibnu Hajar dalam menerima periwayatan hadis daif dalam permasalahan *targhib* (dorongan) dan *tarhib* (ancaman), iaitu beliau mensyaratkan dengan tiga (3) syarat perlu ada (As-Sakhawi, 1999):
 - a) Hendaklah hadis itu diperakui oleh ulama kedaifannya, iaitu daifnya adalah yang tidak kuat (*syadid*) selain perawi yang berdusta, dituduh berdusta, atau yang melakukan dosa.
 - b) Hendaklah hadis tersebut ada asasnya, dan terkeluar untuk yang tidak ada asas.
 - c) Hendaklah tidak mengatakan (*i’tiqad*) ia adalah dari ketetapan hukum yang ada, dengan tidak menisbahkan kepada baginda SAW apa yang tidak dikatakannya, bahkan ia adalah sekadar untuk langkah berjaga-jaga dalam sesuatu pengamalan.

Adapun dalam makna di atas, syarat pertama dan kedua dipersetujui oleh Ibn Abdussalam dan Ibn Daqiq, manakala syarat ketiga bertepatan dengan persetujuan Al-‘Allaii (As-Sakhawi, 1999). Dalam hal yang sama, Ibnu Hajar (2001) memberi penjelasan juga tentang perihal meriwayatkan hadis dengan makna, ia mendasari pelbagai pendapat:

1. Majoriti mengatakan hukumnya harus, mereka berhujah dalam penerangan hukum syariah yang digunakan dalam bahasa yang lebih difahami, maka harus untuk menukar dalam bahasa yang lain, namun bahasa Arab adalah lebih utama.
2. Pendapat lain mengatakan harus dalam kosa kata sahaja bukan dalam pernyataan.
3. Ada berpendapat harus untuk mereka yang menghafal lafaz tersebut yang membolehkannya untuk memberi maksud hadis melalui pemakaian makna.
4. Harus juga untuk mereka yang menghafal hadis tersebut tetapi lupa akan lafaznya dan baki lafaz tersebut disebut dengan makna yang sedia ada dalam kepalanya. Maka dia meriwayatkan hadis tersebut dengan

menggunakan makna untuk memperoleh makna yang tepat dalam hukum tersebut.

6. Perbezaan Pegangan Hadis Daif Antara Ulama Hadis Dan Said Nursi

Ulama hadis telah meletakkan garis panduan yang jelas terhadap cara untuk menggunakan atau berinteraksi dengan hadis daif. Panduan ini adalah penting kerana tidak semua hadis daif itu boleh digunakan, apatah lagi melibatkan perkara akidah. Perbincangan ini telah disebutkan pada subtopik di atas. Untuk memberi kefahaman yang lebih jelas, kajian akan membentangkan bentuk jadual sebagai ringkasan. Dalam masa yang sama, Said Nursi memberi sentuhan kepada ilmu hadis dengan mewujudkan dua belas (12) prinsip hadis dalam kitab *Al-Kalimat*. Namun dalam perbincangan kajian ini, pengkaji hanya mengemukakan tiga (3) prinsip sahaja kerana ia berkaitan dengan prinsip hadis daif.

Berikut adalah perbandingan antara pendapat ulama tentang hukum mengamalkan hadis daif dengan prinsip Said Nursi yang berkaitan dengan hadis daif:

Jadual 1. Perbandingan Pendapat *Muhaddithin* dan Said Nursi Mengenai Hadis Daif

Aspek	Pandangan Ulama Mengenai Hadis Daif	Prinsip Said Nursi (dipetik dari kitab <i>al-Kalimat</i>)
Penggunaan Hadis Daif	Ulama seperti Imam An-Nawawi mengizinkan penggunaan hadis daif dalam <i>fadhail amal</i> dan tidak untuk urusan syariat (Imam An-Nawawi, 2004).	Prinsip Kedua: Said Nursi berbicara tentang tahap permasalahan dalam Islam di mana tidak semua masalah memerlukan dalil qat'i, yang menunjukkan adanya fleksibiliti dalam penerimaan hadis daif dalam konteks tertentu (Said Nursi, 2012).
Hujah dan Dalil	Penggunaan hadis daif dibenarkan dalam perkara <i>targhib</i> (dorongan) dan <i>tarhib</i> (ancaman) (ancaman), tetapi tidak dalam hukum yang qat'i (Imam An-Nawawi, 2004).	Prinsip kesembilan: Said Nursi juga mendukung penggunaan hadis dalam <i>fadhilat amal</i> , asalkan ia diambil dengan syarat tertentu, menunjukkan kesepakatan dengan pandangan ulama (Said Nursi, 2012).
Hikmah dalam Hadis	Terdapat pandangan bahawa hadis daif membolehkan satu kelonggaran dalam memahami kebaikan dan keburukan, meskipun tidak sepenuhnya sahih (al-Hakim, 1990).	Prinsip kesepuluh: Said Nursi menekankan bahawa hadis yang bersifat <i>targhib</i> (dorongan) dan <i>tarhib</i> (ancaman) mempunyai hikmah yang tinggi, memberikan motivasi kepada umat untuk melakukan kebaikan dan

		menghindari kebatilan (Said Nursi, 2012).
--	--	---

Sumber: Analisis Pengkaji

Kedua-dua pandangan menunjukkan pemahaman yang bersepadu dalam penggunaan hadis daif, di mana ulama menetapkan syarat-syarat yang ketat, sementara Said Nursi menonjolkan hikmah dan kelonggaran sesuai konteks untuk meraih manfaat kebaikan. Perinciannya adalah seperti berikut:

6.1 Penggunaan Hadis Daif

Ulama seperti Imam An-Nawawi mengizinkan penggunaan hadis daif dalam konteks *fadhail amal* dan *targhib* (dorongan) dan *tarhib* (ancaman) tetapi melarang penggunaannya dalam hal-hal yang berkaitan dengan hukum syariat, seperti hukum halal dan haram. Ini menunjukkan bahwa dalam urusan perkara pokok syariat, ulama sangat berhati-hati dan mementingkan kesahihan sumber hadis. Manakala di sisi Said Nursi, yang mana merujuk kepada Prinsip Kedua, Said Nursi mengemukakan bahawa permasalahan dalam Islam dikelompokkan berdasarkan tahap keperluan hujah. Ini bermakna tidak semua isu memerlukan dalil yang qat'i, yang memberikan ruang untuk menggunakan hadis daif dalam situasi tertentu yang tidak membahayakan akidah.

6.2 Hujah dan Dalil

Dari aspek memberi hujah dan penggunaan dalil, ulama hadis membenarkan penggunaan hadis daif dalam konteks *targhib* (dorongan) dan *tarhib* (ancaman) (Imam An-Nawawi, 2004). Namun begitu, untuk hukum yang memerlukan kepastian yang jelas, ulama menekankan keperluan kepada rujukan hadis yang sahih. Kelonggaran ini tidak memberi makna bahawasanya hadis daif boleh dijadikan sandaran untuk keputusan hukum.

Dalam masa yang sama, Prinsip kesembilan dalam Risalah Annur, Said Nursi mengatakan bahawa akidah mempunyai dua bahagian iaitu dunia dan akhirat, beramal dengan hadis daif dalam fadhilat amal dibolehkan namun secara bersyarat. Ini menunjukkan pendekatan Said Nursi yang lebih inklusif dan pragmatik ketika menggunakan hadis daif yang menunjukkan kesepakatan dengan pandangan ulama.

6.3 Hikmah dalam Hadis

Hadis daif, walaupun dalam kedudukan bertaraf lemah dan digunakan dalam konteks *targhib* (dorongan) dan *tarhib* (ancaman) (Imam An-Nawawi, 2004), namun dalam masa yang sama perlu ada pengetahuan akan kedudukan hadis

tersebut. Iaitu mengetahui bahawa tidak semua hadis daif mempunyai autoriti untuk dijadikan asas atau tapak kepada hukum dan perlu berhati-hati dalam mempelajarinya. Dalam Prinsip kesepuluh kitab Risalah Annur, Said Nursi menekankan hikmah yang terdapat dalam hadis yang mendorong seseorang melakukan kebaikan dan menjauhi keburukan. Beliau percaya bahawa walaupun kedudukan hadis daif adalah lemah, tetapi kemampuan dan kebaikannya dalam membangkitkan semangat dan motivasi untuk beramal perlu dilihat dengan baik juga (Said Nursi, 2012).

Secara keseluruhan, perbandingan ini menunjukkan pendekatan yang bersepadu dalam penggunaan hadis daif, kedua-duanya menarik perhatian terhadap aspek moral dan spiritual serta berusaha mencari cara untuk mendekatkan umat Islam kepada nilai-nilai kebaikan dalam menjalankan ajaran Islam.

6.4 Contoh Penggunaan hadis Daif dalam Risalah Annur

1) أَدْبَنِي رَبِّي فَأَحْسَنَ تَأْدِيبِي 1)

Perbincangan dalam Risalah Annur

Riwayat ini dinukilkan dalam kitab *Al-Luma'at* dalam bab Penawar Penyakit Bid'ah. Dalam bab tersebut, iaitu pada Perkara Ketujuh, disebut tentang adab yang luhur dari pemahaman sunnah yang jelas. Beliau mengaitkan dengan penjagaan adab mempengaruhi kefahaman sunnah nabi SAW.

Dalam hal ini, Said Nursi berkata: "Sunnah yang luhur ialah adab itu sendiri. Tiada satu pun daripada masalahnya yang tidak terdapat padanya satu cahaya dan satu adab di sebaliknya! Rasulullah SAW bersabda: [أَدْبَنِي رَبِّي فَأَحْسَنَ تَأْدِيبِي] "Tuhanku menganugerahkan adab kepadaku dan memperadabkanku dalam bentuk yang baik." Ya, sesiapa yang mengkaji dan menyelidiki sirah nabawi dan mengetahui sunnah yang luhur, pasti akan faham bahawa Al-Haq Subhanahu wa Taala menghimpunkan jenis-jenis adab dalam diri kekasih-Nya SAW. Sesiapa yang meninggalkan sunnah luhur baginda akan meninggalkan adab" (Said Nursi, 2012).

Kedudukan hadis

Dalam kitab *al-Jami' As-Saghir*, Imam As-Suyuti ia adalah hadis daif. (As-Suyuti, t.t; al-Albani, 1992). Manakala al-'Ajluni dalam kitabnya '*Kashful Khafa*', beliau menukikan "Secara keseluruhan, tidak diketahui adanya sanad yang sahih untuk hadis ini, tetapi disebutkan dalam *al-Durar* bahawa Abu al-Fadl Ibn Nasir mensahihkannya. Dalam al-La'ali, dinyatakan bahawa maknanya adalah sahih, tetapi tidak datang melalui sanad yang sahih. Ibn al-

Jawzi menyebutnya dalam *al-Ahadith al-Wahiyah*, dan berkata bahawa hadis itu tidak sahih kerana dalam sanadnya terdapat perawi yang lemah, bukan yang tidak diketahui” (Al-‘Ajluni,1932).

2. لا يعول من اقصد

Perbincangan dalam Risalah Annur

Said Nursi menyebut hadis atau riwayat ini dalam kitab *Al-Luma'at* melalui perbincangan Kilauan Kesembilan Belas iaitu tentang *iqtisad* (bersederhana) dan sifat *qana'ah* (merasa cukup), pemborosan dan pembaziran yang mengandungi tujuh (7) perkara semuanya. Manakala Said Nursi menyebut hadis/riwayat ini dalam Perkara Keempat iaitu perbincangan tentang orang yang hidup bersederhana tidak banyak mendapat kesusahan kemiskinan dari sudut cara hidup. Katanya lagi terdapat banyak dalil yang menunjukkan bahwa hidup sederhana merupakan sumber keberkatan yang utama dan asas bagi kehidupan yang baik, sehingga tidak dapat diukur atau dihitungkan banyaknya (Said Nursi,2012).

Kedudukan hadis

Imam Ahmad mengatakan sanad hadis ini daif. Lafaznya dalam Musnad Ahmad:

قرأت على أبي، حدثنا أبو عبيدة الحداد، قال: حدثنا سكين بن عبد العزيز العبدى، حدثنا إبراهيم الهجري، عن أبي الأحوص، عن عبد الله بن مسعود، قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: " ما عال من اقتصد "

(*Riwayat Ahmad*, Musnad Al-Mukaththirin Min As-Sahabah, Musnad Abdullah ibn Mas'ud, nombor hadis 4269. Dinilai *daif* oleh Imam Ahmad).

Dalam *Mu'jam al-Kabir* ada disebut sepertimana dipandu dalam nota kaki kitab:

حدثنا محمد بن يحيى القزاز، ثنا مسلم بن إبراهيم، ح وحدثنا محمد بن علي بن شعيب السمسار، ثنا خالد بن خدّاش، قال: ثنا سكين بن عبد العزيز، عن إبراهيم الهجري، عن أبي الأحوص، عن عبد الله، عن النبي صلى الله عليه وسلم قال: ما عال من اقتصد.

Terjemahan: Telah menceritakan kepada kami Muhammad bin Yahya al-Qazzaz, telah menceritakan kepada kami Muslim bin Ibrahim; dan telah menceritakan kepada kami Muhammad bin Ali bin Syu'aib as-Simsar, telah menceritakan kepada kami Khalid bin Khaddasy. Mereka berkata: Telah menceritakan kepada kami Sakeen bin Abdul Aziz, daripada Ibrahim al-Hijri, daripada Abu al-Ahwas, daripada Abdullah, daripada Nabi SAW, baginda bersabda: "Tidak akan jatuh miskin orang yang bersederhana (dalam berbelanja)".

Melalui perbincangan ini, dapat dilihat bahawa perlunya ada konsep *iqtisad* (bersederhana) dan *qana'ah* (merasa cukup) dalam kehidupan. Said Nursi dalam perbincangan Kilauan Kesembilan Belas menekankan kepentingan sifat *i'tidal* (seimbang) dalam mengurus kehidupan, iaitu bersederhana dalam perbelanjaan dan memiliki sifat *qana'ah* atau merasa cukup dengan apa yang dimiliki. Konsep ini berpaksikan kepada nilai-nilai Islam yang mengajarkan umatnya untuk tidak terperangkap dalam gaya hidup mewah yang membawa kepada pembaziran dan bebanan hutang.

يُوزَنُ مِدَادُ الْعُلَمَاءِ بِدِمَائِ الشُّهَدَاءِ 3.

Perbincangan dalam Risalah Annur

Said Nursi berkata “Di padang mahsyar, dakwat-dakwat yang telah digunakan oleh para ulama hakikatnya akan ditimbang setaraf dengan nilai darah para syuhada’, yakni nilainya menjadi sama seperti itu”.

Kedudukan hadis

Hadis atau riwayat ini terdapat dalam kitab *Kanz al-‘Ummāl* karangan Al-Muttaqi Al-Hindi (w975H). Lafaznya berbunyi:

يوزن يوم القيامة مداد العلماء ودم الشهداء فيرجح عليهم مداد العلماء على دم الشهداء

(*Kitab Al-'Ilm min Qism Al-Awwal, Bab Al-Awwal fi Targhib Fiih*, no hadis 28715. Dinilai *daif* oleh al-Muttaqi (1981)).

Secara umum, walaupun riwayat ini memiliki pelbagai pendapat tentang kesahihannya, ia sering disampaikan untuk menunjukkan betapa besar kedudukan ilmu dan perjuangan ilmiah dalam Islam. Said Nursi menganggap dakwah ilmiah dan perjuangan pena sebagai jihad yang setara nilainya dengan jihad bersenjata, terutamanya dalam konteks kejatuhan Islam melalui pemikiran sekular, ateisme, dan materialisme. Dalam suasana umat Islam kehilangan institusi khilafah dan autoriti agama ditekan, Said Nursi memberi fokus kepada kebangkitan semula ulama, tetapi bukan ulama tradisi semata-mata sebaliknya ulama yang memahami keperluan zaman, bergelut dengan pena dan ilmu. Ia mengandungi makna simbolik yang mendalam, menggambarkan keseimbangan antara sumbangan ulama melalui ilmu dengan pengorbanan para syuhada melalui nyawa mereka.

4. لو لا الشيوخ الركع لصب عليكم البلاء صبا

Perbincangan dalam Risalah Annur

Said Nursi mengatakan melalui hadis atau riwayat ini, sekiranya tiada orang tua di rumah kalian yang telah uzur, bencana dan musibah pasti akan menimpa seperti banjir yang melanda. Ini membuktikan bahawa tiang keberkatan dalam sebuah rumah adalah orang-orang tua, baik lelaki mahupun perempuan yang telah uzur dan bebas dari dosa. Mereka adalah pelindung rumah tersebut daripada segala bentuk bala, yang menegaskan kebenaran hakikat ini.

Kedudukan hadis

Terdapat hadis yang ditulis pada bahagian nota kaki, berkenaan dengan riwayat di atas, iaitu:

عن أبي هريرة، عن النبي صلى الله عليه وسلم قال: " مهلا عن الله مهلا، فإنه لولا شباب خشع، وبهائم رتع، وشيوخ ركع، وأطفال رضع، لصب عليكم العذاب صبا"

Terjemahan: Dari Abu Hurairah, dari Nabi SAW bersabda: 'Bersabarlah dari Allah, bersabarlah, kerana jika tidak ada pemuda yang khusyuk, binatang yang merumput, orang tua yang rukuk, dan anak-anak yang menyusu, pasti azab akan diturunkan kepada kalian dengan deras'.

(*Hadis Riwayat Baihaqi*, Kitab Solat Al-Istisqa', Bāb Istihbāb al-Khurūj bi al-Du'afā' wa al-Ṣibyān wa al-'Abīd wa al-'Ajā'iz, no hadis 6390, Dinilai *daif* oleh Imam An-Nawawi (1997)).

Dalam konteks di atas, Said Nursi mengangkat nilai keberadaan orang tua yang uzur dalam keluarga sebagai sumber keberkatan dan pelindung daripada bala bencana. Menurut beliau mereka yang telah uzur dan bebas dari dosa dilihat sebagai simbol keberkatan dalam rumah tangga. Kehadiran mereka berfungsi sebagai sebab turunnya rahmat Allah SWT dan perlindungan daripada musibah.

Walaupun *daif*, hadis ini membawa mesej moral yang selaras dengan prinsip Islam, iaitu menghargai keberkatan dalam rumah tangga yang datang melalui doa dan ibadah ahli keluarga, termasuk orang tua, anak-anak dan makhluk lain. Dalam hal memberi motivasi, tazkirah dan nasihat ulama membolehkan penggunaan hadis *daif* selagi ia tidak berkaitan dengan akidah atau hukum syarak dan disertai dengan penjelasan statusnya.

6.5 Hasil perbincangan

Melalui hasil dapatan di atas, beberapa perbincangan boleh digarapkan seperti berikut:

1. Penggunaan hadis *daif* berdasarkan makna dan hikmah

Melalui perbincangan di atas, dapat dilihat bahawa penggunaan hadis dalam Risalah Annur tidak diletakkan dalam isu atau perkara pokok syariat. Hal ini bersamaan dengan prinsip yang dipegang oleh ulama-ulama hadis dalam berhati-hati menggunakan hadis *daif*. Said Nursi tidak menolak hadis *daif* secara mutlak, tetapi beliau menggunakannya dengan mempertimbangkan dari sudut neraca makna dan hikmah yang terkandung di dalamnya. Pendekatan ini jelas menunjukkan bahawa beliau lebih menitikberatkan kesan tarbawi dan rohani (yang merupakan keperluan pada waktu itu) berbanding status kesahihan sanad semata-mata. Penggunaan hadis-hadis *daif* yang mempunyai mesej moral dan nilai keagamaan yang baik boleh digunakan selagi ia tidak bercanggah dengan prinsip syarak.

2. Hadis *Daif* Digunakan dalam Konteks *Tarhib* (dorongan) dan *Tarhib* (ancaman)

Sebagaimana kaedah ulama hadis terdahulu, Said Nursi menggunakan hadis *daif* terutamanya dalam perkara *tarhib* (dorongan) dan *tarhib* (ancaman)

(galakan melakukan kebaikan dan memberi amaran terhadap keburukan). Dalam Risalah Annur, hadis-hadis daif sering dikaitkan dengan elemen motivasi untuk meningkatkan iman, kesabaran dalam menghadapi ujian, dan keutamaan amalan soleh. Ini selaras dengan prinsip bahawa hadis daif boleh digunakan dalam perkara yang tidak melibatkan hukum hakam secara langsung.

3. Menggunakan Pendekatan Kontekstual dalam Memahami Hadis Daif

Status atau kedudukan dalam penetapan kesahihan hadis bukan sahaja menjadi salah satu kayu ukur dalam Risalah Annur, malah dilihat juga kepada konteks penggunaannya dalam Risalah Annur. Pendekatan kontekstual ini bermaksud bahawa sesuatu hadis ditafsirkan berdasarkan keselarasan dengan situasi umat Islam pada zamannya. Beliau sering mengaitkan hadis dengan realiti masyarakat, isu pemikiran moden dan cabaran keimanan yang dihadapi oleh umat Islam ketika itu.

4. Hadis Daif Disokong oleh Prinsip Umum dalam Al-Qur'an dan Hadis Sahih

Said Nursi tidak menggunakan hadis daif secara terasing. Beliau sering menghubungkannya dengan laras nas-nas yang lebih kuat dalam al-Quran dan hadis sahih. Dengan cara ini, hadis daif dalam Risalah Annur tidak berdiri sendiri, tetapi berfungsi sebagai penguat kepada konsep-konsep utama dalam Islam seperti konsep ketauhidan, keimanan kepada akhirat dan perjuangan menegakkan agama (Said Nursi, 2012).

6.6 Rumusan Perbincangan

Berdasarkan keseluruhan perbincangan di atas, dapat dirumuskan bahawa para ulama mempunyai pelbagai pandangan berhubung penggunaannya, khususnya dalam konteks *fadhail amal*, *targhib* (dorongan) dan *tarhib* (*ancaman*). Pandangan dominan di kalangan ulama seperti Imam An-Nawawi, Imam Al-Hakim, dan Dr. Yusuf al-Qaradhawi ialah membenarkan penggunaan hadis daif dalam konteks bukan hukum syarak, dengan syarat ia bukan hadis maudhu' dan tidak bercanggah dengan hadis yang lebih sahih. Penekanan diberikan kepada syarat-syarat tertentu seperti yang dijelaskan oleh Ibnu Hajar, antaranya ialah hadis tersebut diketahui kedaifannya, mempunyai asal yang sahih, dan tidak diyakini sebagai hujah qat'i.

Namun begitu, terdapat juga kelompok ulama seperti Imam Bukhari, Ibnu Hazm, dan ulama kontemporari seperti Syeikh Ahmad Syakir dan Syeikh Albani yang menolak penggunaan hadis daif secara mutlak, termasuk dalam

soal fadhail amal. Mereka berpandangan bahawa periwayatan hadis lemah berpotensi membawa kepada kekeliruan umat dan penyebaran maklumat yang tidak sahih daripada Nabi SAW. Mereka menegaskan keperluan kepada periwayatan yang sahih dalam semua aspek agama, termasuk aspek motivasi dan pengajaran. Bagi mereka, berhati-hati dengan hadis daif merupakan langkah untuk menjaga kesucian dan ketulenan ajaran Islam.

7. Kesimpulan

Dalam konteks kajian ini, penggunaan hadis oleh Said Nursi dalam Risalah Annur bukan sekadar dari sudut sanad atau matan semata-mata tetapi turut meneliti konteks sosial dan budaya. Era penjajahan dan pengaruh sekularisme di Turki telah memaksa beliau menggunakan pendekatan dakwah dan pendidikan yang bersifat rohani dan bersifat menyentuh hati. Dalam suasana seperti ini, penggunaan hadis termasuk yang berstatus daif telah disesuaikan mengikut keperluan mendidik jiwa, menguatkan iman dan membangkitkan semangat umat Islam. Oleh itu, pengaruh suasana ini memberi kesan langsung kepada metodologi beliau dalam menukil dan mengaplikasikan hadis dalam karya-karyanya.

Dalam hal yang sama Said Nursi memperlihatkan pendekatan yang seimbang antara hikmah dan disiplin ilmu hadis. Beliau menerima hadis daif dalam konteks fadhail amal dengan syarat-syarat tertentu yang selari dengan pandangan ulama hadis terdahulu. Prinsip yang dikemukakan oleh Said Nursi, seperti prinsip kedua, kesembilan dan kesepuluh dalam kitab *Al-Kalimat*, memberi penekanan kepada kebijaksanaan, nilai moral dan motivasi spiritual yang terdapat dalam hadis daif tanpa mengabaikan prinsip berhati-hati terhadap status hadis tersebut. Ini menunjukkan bahawa walaupun terdapat perbezaan pendekatan antara ulama hadis dan Said Nursi, namun kedua-duanya bertujuan untuk memelihara nilai-nilai Islam sambil mendekatkan umat kepada kebaikan dan amalan sunnah.

Rujukan

- Al-‘Ajluni. Ismail bin Muhammad Al-‘Ajluni Al-Jarahi. (1351H). *Kashf al-Khafā’ wa-Muzīl al-Ilbās ‘ammā Ishtahara min al-Aḥādīth ‘alā Alsinat al-Nās*. Kaherah: Maktabah Al-Qudis.
- Al-Baihaqi, Ahmad bin al-Hussein bin Ali. (2002). *As-Sunan Al-Kubra*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah. Cet.2.
- Albani, Abu Abdurrahman Muhammad Naasiruddin. (1992). *Silsilat al-Aḥādīth al-Ḍa‘īfah wa al-Mawḍū‘ah wa Atharuhā al-Sayyi’ fi al-Ummah*. Riyadh: Dar Al-Maarif. Cet.1. hal.73.

- Al-Juda'i, Abdullah bin Yusuf. (2003). *Tahrir Ulum Al-Hadis*. Beirut: Muassasah Ar-Riyyan. J.2. m/s 108.
- Al-Khair Aabadi, Muhammad Abullaith. (2011). *Ulum Al-Hadis Asiluha wa Ma'asiruha*. Malaysia: Dar As-Syakir.
- Al-Qaradhwai, Yusuf. (2006). *Kaifa Nata'amal Ma'a As-Sunnah An-Nabawiyyah*. Al-Qaherah: Dar As-Syuruq. Cet. 4.
- Al-Qasimi. (2004). Muhammad Jamaluddin al-Qasimi. *Qawaid At-Tahdis min Funun Mustalah Al-Hadis*. Beirut: Muassasah Ar-Risalah. Cet.1.
- An-Naisaburi. (1990). Abu Abdullah Muhammad bin Abdullah Al-Hakim. *Al-Mustadrak 'ala As-Sahihain*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah.
- An-Nawawi. (2004). Abu Zakariyya Muhyiddin Yahya bin Syaraf An-Nawawi. *Al-Jaffan wa Al-Jabi*: Dar Ibn Hazm. Cet.1.
- An-Nawawi. (1997). Abu Zakariyya Muhyiddin Yahya bin Syaraf. *Khulāṣat al-Aḥkām fī Muḥimmāt as-Sunnān wa Qawā'id al-Islām*. Beirut: Muassasah Ar-Risalah. Cet.1.
- As-Suyuti, Jalaluddin Abdurrahman bin Abi Bakr. (1985). *Tadrib Ar-Rawi*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-Arabi. Cet.1.
- As-Suyuti, Jalaluddin Abdurrahman bin Abi Bakr. (t.t). *Sahih wa Daif Al-Jami' As-Saghir wa Ziyadatuhu*.
- Ayub, M. N., Mat Hassan, S. H., & Yakob, M. A. (2020). Gagasan Madrasah al-Zahra': Pemikiran Said Nursi dalam Pendidikan. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 6(1), 111-132.
- Chamim, M. (2022). *KONSEP IMAN DAN QOLBU DALAM AL-QUR'AN PRESPEKTIF SAID NURSI* (Doctoral dissertation, Institut PTIQ Jakarta).
- Dwisetyo Widodo, C. (2020). *THE INTEGRATION OF ISLAM AND SCIENCE ACCORDING TO BADIUZZAMAN SAID NURSI IN ONTOLOGY ASPECT AND ITS APPLICATION IN EDUCATION* (Doctoral dissertation, Universitas Darussalam Gontor).
- Faiz, M. (2020). Konsep Tasawuf Said Nursi: Implementasi Nilai-Nilai Moderasi Islam. *Millah: Journal of Religious Studies*, 199-224.
- Gaffar, A., Suud, F. M., Ilyas, H., & Ridho, A. (2021). Self Actualization According to Bediuzzaman Said Nursi (1877-1960) in Risale-I Nur. *Psychology and Education Journal*, 58(2), 141-153.
- Hadi Ihsan, N. (2021). Transformasi Mahabbah Menjadi Cinta Abadi Dalam Konsep Tasawuf Badiuzzaman Said Nursi. *Jaqfi: Jurnal Aqidah dan Filsafat Islam*, 6(2), 178-192.
- Haris, A. H., & Othman, M. R. (2011). Kemal Atatürk dan Pembaharuan di Turki: Polemik dalam Akhbar dan Majalah Melayu Pada Tahun 1920-an dan 1930-An. *SEJARAH: Journal of the Department of History*, 19(19).
- Hornby. (1985). "Oxford Advanced Learner's Dictionary of Current English", Oxford University Press, 720-768. New York.
- Ibnu Hajar. (2001). Ahmad bin Ali bin Muhammad bin Hajar Al-Asqalani. *Nuzhah An-Nazar fī Taudhid Nukhbah Al-Fikr fī Mustalah Ahl Al-Athar*. Riyadh: Maktabah Al-Malik Fahd. Cet.1.
- Ibnu Rejab. (1987). Zainuddin Abdurrahman bin Ahmad bin Rejab bin Hasan. *Syarhu Ilal At-Tirimizi*. Al-Urdun: Maktabah Al-Manar. Cet.1. m/s 307.
- Ibnu Solah. (2012). Abu Amru Uthman bin Abdurrahman. *Ulum Hadis*. Damsyiq: Dar Al-Fikr.
- Khassim, N. A. M., & Hassan, A. Z. (2019). Eskatologi Islam Menurut Bediuzzaman Said Nursi: Analisis Kontekstual Hadith Tanda-Tanda Kiamat ('Alamat Al-Sa'ah). *Al-Takamul al-Ma'rifi*, 2(2), 1-15.

- Mohd Noor, M., Shahrudin, M. S., Mohammad Zaini, M. N., Norman, M. P., & Abdullah, M. Y. (2018). Hubungan kenabian dalam disiplin ilmu falsafah dan tasawuf menurut Badiuzzaman Said Nursi. *e-Journal of Islamic Thought and Understanding (e-JITU)*, 1(1), 42-53.
- Sahin, C. (2020). *Integrasi Ilmu Kalam Dan Tasawuf Menurut Said Nursi Dalam Tafsir Risâlah (Analisis Konsep Teospiritual Dalam al-Quran)* (Doctoral dissertation, Institut PTIQ Jakarta).
- Said Nursi. (2012). *Al-Kalimat*. Al-Kaherah: Dar As-Sanabil Az-Zahabiyyah. Cet.2
- Said Nursi. (2012). *Al-Luma'at*. Al-Kaherah: Dar As-Sanabil Az-Zahabiyyah. Cet.2
- Said Nursi. (2012). *Al-Maktubat*. Al-Kaherah: Dar As-Sanabil Az-Zahabiyyah. Cet.2
- Sukran Vahide. (2013). *Biografi Intelektual Badiuzzaman Said Nursi*. Indonesia: Anatolia Prenada Media Group. Cet.2
- SULAIMAN¹, N. N., & MOKHTAR, R. A. B. M. 026-Konsep Teodisi Dari Perspektif Said Nursi Dalam Risalah Annur Mengenai Permasalahan Penyakit Atau Kesakitan. In *E-PROSIDING SEMINAR ANTARABANGSA FALSAFAH, TAMADUN, ETIKA DAN TURATH ISLAMI (i-STET) 2022 E-PROCEEDING OF INTERNATIONAL SEMINAR ON* (p. 240).
- Syauqi, M. L. (2012). Pengaruh Modernisasi Di Turki Atas Penafsiran Bediuzzaman Said Nursi.
- Umar, A. (2021). Huruf Muqatta'ah dalam Al-Qur'an Perspektif Bediuzzaman Said Nursi. *Al-Tadabbur: Jurnal Ilmu Al-Qur'an dan Tafsir*, 6(01), 1-16.
- ZAHIR, M. S. A., & SHARIF, M. F. M. (2020). PEMURNIAN TAUHID DI TURKI: ANALISIS TERHADAP USAHA BADIUZZAMAN SAID NURSI: Purification of Tawhid in Turkey: An Analysis of Badiuzzaman Said Nursi's Efforts. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa*, 31(2), 217-217.
- Zaprul Khan, Z., & Kayacik, A. (2019). Significance of the Practices of the Prophet (Sunna) for Modern People: A Study of the Thought of Bediuzzaman Said Nursi. *KALAM*, 12(2), 373-394.
- Zulkifli, F., & Affandy Md Isa, M. Y. (2023). PENDEKATAN SA'ID NURSI TERHADAP PENGHUNI PENJARA DENIZLI DI TURKIYE BERPANDUKAN AL-QURAN DAN SUNNAH. *Ma'alim Quran Sunnah*, 19(2).
- روضة الفردوس بنت فتاح ياسين, & نور عينا مرضية بنت جبير رحيم. (٢٠٢٠). منهج سعيد النورسي في التعامل مع الأحاديث المتشابهة في "رسائل النور". *Journal of Islam in Asia* (E-ISSN 2289-8077), ١٧(١), ٣٣-٦٥.